

# Usah perbesar hak

BH 23 AUG 2000

Daripada Mohd Fuad Razali

MAPUTO (Mozambique), Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu isu hak orang Melayu yang ditimbulkan oleh Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) II, Datuk David Chua, tidak lagi diperbesar-besarkan.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menerima penjelasan Chua mengenai perkara itu, yang menyatakan dia (Chua) tidak bermaksud sedemikian (seperti dilaporkan).

Dalam pertemuan mere-

## Chua menegaskan kepada Dr Mahathir beliau tidak pernah membangkitkan persoalan untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu kerana ia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

ka di Kuala Lumpur pada 18 Ogos lalu. Dr Mahathir turut menasihatkan pemimpin Chua supaya jangan mengeluarkan lagi kenyataan sedemikian kerana ia adalah perkara sensitif.

"Saya sudah menerima

penjelasan beliau dan tidak mahu perkara itu dibesarkan. Kalau dia kata, tak maksud (macam) itu, kita terima.

"Saya cuma kata, lain kali jangan cakap begitu, kerana ini benda sensitif. Dia

kata, tidak sangka orang akan bagi reaksi sedemikian," katanya kepada wartawan Malaysia di sini malam tadi.

Chua dalam kenyataannya di Kuala Lumpur pada 19 Ogos lalu, menyatakan beliau telah menegaskan kepada Dr Mahathir bahawa beliau tidak pernah membangkitkan persoalan untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu kerana ia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ditanya sama ada pernyataan mengenai hak

# Melayu: Dr M

Melayu yang dilaporkan dibuat oleh Chua itu boleh menjejaskan usaha penggubalan dasar ekonomi oleh Mapen. Dr Mahathir berkata beliau tidak berpendapat begitu kerana Mapen hanya membuat dasar, manakala keputusan muktamad ditentukan kerajaan.

Mengenai pembebasan tiga tebusan terakhir rakyat Malaysia oleh kumpulan Abu Sayyaf di Jolo, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan meneruskan usaha untuk membantu membe-

baskan tebusan lain yang masih lagi ditahan walaupun mereka warga asing.

Beliau tidak mahu orang lain menganggap Malaysia hanya berusaha membebaskan rakyatnya saja.

Mengenai laporan menyatakan perunding membayar wang tebusan untuk pembebasan rakyat Malaysia, beliau berkata, kerajaan tidak mengetahui mengenai perkara itu.

"Kita tidak tahu itu. Kalau orang lain yang buat bayaran saya tak tahulah," katanya.

AFP Jumaat lalu melaporkan perunding yang berusaha membebaskan tiga lagi tebusan Malaysia berkata, persetujuan dicapai supaya wang tebusan tambahan AS\$1 juta (RM3.8 juta) dibayar kepada penculik

Laporan itu juga memetik pegawai tentera sebagai berkata, sebanyak AS\$5.5 juta (RM21 juta) dibayar kepada penculik untuk membebaskan enam warga Malaysia dan seorang wanita Jerman bulan lalu.